

Sumbangan Tun Razak kepada UKM

UM-10/12/2006



Mazlan Nordin
MENULIS

WHEN you drink from a well we never forget who dug up the well - peribahasa Cina.

Pengiktirafan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam senarai 100 universiti terbaik di dunia dan Anugerah Kualiti Perdana Menteri 2005 baru-baru ini membawa kembali kenangan pelbagai pihak kepada Allahyarham Tun Razak.

Kerana azam dan dorongannya UKM lahir 35 tahun lalu dengan sokongan dan bantuan golongan intelek dan pencinta bahasa Melayu. Matlamatnya: Memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Misalnya: Menjadi universiti terpilih yang memartabatkan bahasa Melayu serta menyejagatkan ilmu beracuan budaya kebangsaan.

Abadi ialah pesanan Tun Razak, canselor pertama UKM: "Universiti Kebangsaan merupakan puncak dari usaha kita ke arah memenuhi tuntutan dan aspirasi rakyat yang ingin melihat bahasa ibunda mempunyai kedaulatan dan kedudukan yang sewajarnya di dalam usaha memenuhi keperibadian nasional."

Bagi tukang catat ini ialah pengalaman belajar di Malay College Kuala Kangsar bersama Razak semasa sebelum perang dan serangan serta penaklukan tentera Jepun. Jelas kepada

kesemua para pelajar waktu itu daya kepimpinan beliau.

Pada umur 17 tahun beliau telah menjadi ketua pelajar dan guru besar, menulis antara lainnya: "Beliau seorang pemimpin yang baik dan amat dipercayai... berjaya dalam bidang pelajaran dan tangkas di padang permainan kerana mewakili kolej dalam pertandingan bola sepak dan hoki, ketua regu tenis dan ketua kumpulan rumah."

Ketika melanjutkan pelajaran kemudiannya di London, Razak lulus peperiksaan untuk menjadi peguam dalam masa 18 bulan sahaja. Ketika itu beliau berkongsi tempat tinggal bersama Raja Idris (kemudian Sultan Perak) yang menjadi tukang masak dan Razak sebagai pembasuh pinggang ketika meraikan para tamu dan handai taulan.

Menghormati

Tidak ramai mengetahui betapa semasa mula belajar di sekolah rendah di Langgar, Pahang beliau setiap hari berkaki ayam ke sekolah. Walhal ayahnya salah seorang pembesar negeri dan mampu membelikannya kasut getah. Tetapi oleh kerana murid-murid lain dari keluarga miskin berkaki ayam ke sekolah, maka Razak ikut sama sebagai menghormati mereka.

Siapa menduga bahawa beliau kemudian dengan penuh azam berusaha menubuhkan Universiti Kebangsaan. Universiti Kebangsaan berupa universiti ketiga ditubuhkan tetapi yang pertama sekali menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Lalu sejak penu-

buhannya pada bulan Mei 1970 UKM telah melahirkan 104,057 graduan.

Bermula dengan hanya tiga fakulti dan 192 orang pelajar UKM kini mempunyai 11 fakulti, 9 institut dan 12 pusat pengajian khas.

Ia juga mempunyai kampus perubatan di Cheras, lengkap dengan hospital yang dibina dengan belanja RM500 juta untuk lebih seribu katil dan boleh melatih lebih seribu pelajar perubatan, 600 spesialis serta lain-lain petugas segala bidang perubatan.

Sejak tahun 1978 pula UKM mengadakan program sains nuklear atas saranan Allahyarham Tun Dr. Ismail, Timbalan Perdana Menteri semasa pimpinan Tun Razak. Bilangan para siswanya kini kira-kira 200 orang.

Sejak tahun 2002 UKM mengadakan latihan khas bagi lebih 20 orang setiap tahun dari 13 buah negara Asia. Di antara mereka ialah pelajar-pelajar dari Iran, Pakistan, China dan Indonesia. Inggeris menjadi bahasa pengantar.

Pada peringkat ASEAN dan Asia pula memorandum persefahaman dijalin dengan Universiti Brunei Darussalam, Institut Pertanian Bogor, Universitas Gadjja Mada, Universitas Padjadjaran (Indonesia), Sekolah Perubatan Universiti Hamamatsu (Jepun), Institut Teknologi Nasional (Korea) dan Institut Sains Sosial (Vietnam).

UKM juga telah mengadakan kata sepakat dengan Ohio University (Amerika), University of Queensland (Australia), University of Glasgow (Scotland), University of Liverpool (England), University of Otago (New Zealand), Dalhousie University of Halifax (Kanada) dan

University of Western Cape (Afrika Selatan).

Universiti Kebangsaan menjadi tempat melanjutkan pelajaran bagi para pelajar dari Bangladesh, Indonesia, Brunei, China, India, Pakistan, Arab Saudi, Libya, Jordan, Sudan, Tanzania, Turki, Kenya, Singapura dan Thailand.

Juga diadakan ialah pelbagai strategi untuk menggalakkan para pelajar meningkatkan kebolehan dalam bahasa Inggeris, Perancis, Jerman, Arab, Mandarin, Jepun, Korea, Sepanyol dan Thai.

Sumbangan

Menarik perhatian bagi para pengunjung kampus ialah ramainya para pelajar, sehingga 26,844 pada tahun lalu, termasuk 1,027 pelajar asing dari 35 buah negara.

Bilangan para akademik meningkat hingga 1,792 orang, lulusan pelbagai universiti luar negeri. Antara lulusan fakulti sains, umpamanya ialah lulusan institusi-institusi pengajian tinggi di Amerika, Australia, Jerman dan Britain.

Bermula dari kepimpinan Tun Razak sebagai canselor pertama ialah penamaan pelbagai kampus yang mengenang jasa tokoh-tokoh masa lampau, Dato' Oin, Pendita Za'ba, Rahim Kajai, Ibrahim Yaakob, Dr. Burhanuddin Helmi, Keris Mas, Aminuddin Baki, Ungku Omar, Ibu Zain, Syed Nasir dan Tun Dr. Ismail. Kesemua menyertai yang lain memberi sumbangan.

Bagi tukang catat ini hanya melangkah masuk ke Universiti Kebangsaan pada waktu senja perkhidmatan sebagai pemberita akhbar ialah

rasa puas hati kerana kesempatan menyertai para siswa jauh lebih muda mengejar pelbagai ilmu.

Rasa gembira menular bila melihat ramai siswa Melayu, Cina, India dan lain-lain berpusu-pusu ke Perpustakaan Tun Sri Lanang, yang dianggap paling terbesar di Asia Tenggara dan Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu.

Lantas teringat kembali sebuah cerita oleh Datuk Haji Zainal Abidin Abdul Wahid, salah seorang ahli Jawatankuasa Penaja UKM, dalam satu majlis beberapa tahun lampau. Beginiilah ceritanya:

"UKM mempunyai satu keistimewaan hari segi ia sebuah universiti yang diminta dan didesak oleh rakyat. Semua universiti lain di Malaysia adalah hasil daripada langkah yang diambil oleh kerajaan dari segi perancangan pelajarannya.

"Dalam satu usaha jawatankuasa penaja untuk mendapatkan sokongan daripada rakyat, seorang peraih Pekan Harian di Cekus, Perak telah memberi derma satu ringgit, seorang ibu memberi derma satu ringgit... satu ringgit ini sangat bermakna kerana mereka berpendapatan satu ringgit sehari."

Al-Fatihah jua adanya dari kita untuk Allahyarham Tun Razak yang menggali perigi untuk yang lain menimba ilmu pengetahuan tiada terhingga.

● PENULIS ialah Karyawan Tamu
Universiti Kebangsaan Malaysia.